

Pengorbanan ibu bapa tidak ternilai

KISAH seorang ibu yang sanggup menyedikan satu kontrak perjanjian membabitkan pembayaran balik kos membesarkan dua anak lelakinya di Taiwan seperti dilaporkan akhbar baru-baru ini mengundang pelbagai persepsi dalam masyarakat.

Dalam kes itu, Mahkamah Agung Taiwan telah memerintahkan seorang doktor gigi berusia 41 tahun, Chu membayar kira-kira AS\$744,000 (RM2.99 juta) kepada ibunya, Luo sebagai kos yang dibelanjakan oleh wanita berkenaan ketika menjaga dan memberi pendidikan kepada lelaki tersebut.

Ironinya, kontrak pembayaran balik itu dibuat dan ditandatangani dua dekad lalu oleh dua anak lelaki Luo ketika mereka mencecah usia 20 tahun. Wanita itu berbuat demikian kerana bimbang tiada sesiapa yang akan menjaganya apabila sudah tua kelak.

Isi kandungan kontrak itu menjelaskan, kedua-dua anak Luo wajib membayar 60 peratus daripada keuntungan bersih pendapatan kepada ibu mereka. Kes itu dibawa ke mahkamah pada tahun 2010 selepas anak-anaknya enggan mematuhi kontrak perjanjian berkenaan.

Pensyarah Pusat Psikologi dan Kesejahteraan Manusia, Universiti Kebangsaan Malaysia, Prof. Dr. Khaidzir Ismail berkata, sebenarnya terdapat beberapa isu boleh diambil pengajaran dalam kes tersebut oleh masyarakat termasuklah isu berkaitan materialistik, hak seorang anak dan pengorbanan ibu yang tidak dihargai si anak apabila mereka telah berjaya.

"Di atas kertas, apabila pihak Mahkamah Agung Taiwan meluluskan rayuan si ibu dalam kes tersebut, masyarakat akan melihat bahawa wanita berkenaan sebagai seorang individu yang bersifat materialistik kerana sanggup meminta balasan berupa wang daripada anak-anak sebagai upah membesarkan mereka.

"Selain itu, kita juga seolah-olah diberikan sejumlah 'angka' bagi membalas segala jasa ibu bapa yang bersusah-payah menjaga anak-anak sedangkan hakikatnya, pengorbanan mereka tidak ternilai harganya," kata Khaidzir ketika dihubungi *Kosmo!* semalam.

Menurut beliau, pada satu sudut lain, kes itu mampu memberi kesedaran kepada masyarakat terutama anak-anak agar lebih memahami betapa besarnya tanggungjawab seorang ibu atau bapa yang perlu mereka hargai apabila



Di Sebalik Isu Panas

Bersama **KHADIJAH MOHAMAD NOR**

meningkatkan dewasa.

"Manusia sering kali lupa tentang hakikat sebenar sebuah kehidupan. Justeru, apabila perkara sedemikian dibawa ke mahkamah melalui kaedah perundangan sedia ada, pasti ramai yang menuding jari menyalahkan kedua-dua belah pihak.

"Dalam aspek psikologi, apabila seseorang itu berhadapan dengan situasi seperti kekacauan emosi akibat dipinggirkan atau kehilangan insan tersayang, ia tidak boleh dibayar dengan sifat kebendaan yang men-

tapkan harga bagi tujuan tersebut. "Si ibu itu berbuat demikian mungkin disebabkan terlalu kecewa kerana anak-anak yang ditatangi bak minyak yang penuh, melupakannya apabila telah mempunyai kerjaya hebat dan berkeluarga.

"Oleh itu, dia membawa kes itu ke mahkamah bagi menuntut haknya. Namun, bagi anak-anak pula, mereka terlalu berkira kerana menganggap ia satu beban untuk membalas jasa ibu bapa," jelasnya.

Bagaimanapun, ujar Khaidzir, dalam konteks masyarakat di Malaysia yang kaya dengan nilai kesopanan budaya timur, tindakan saman bukanlah pilihan terbaik

untuk mengharapkan ganjaran bagi membesarkan anak.

"Ibu bapa perlu berusaha memberikan didikan agama sebaiknya kepada anak-anak agar mereka menyedari tanggungjawab yang perlu dipikul terutama aspek menjaga kebajikan kedua orang tua apabila dewasa kelak.

"Bagi anak-anak pula, jangan sampai dek kesibukan kerja dan keluarga, kita lupa terhadap orang tua di kampung. Sebaiknya, kita perlu bertanya khabar dengan cara menelefon dan menjenguk mereka di kampung jika ada kesempatan.

"Jika ibu bapa telah meninggal dunia, jangan lupa doakan kesejahteraan mereka di alam barzakh. Harus diingat, di sebalik kejayaan setiap anak, ia sebenarnya ada kaitan dengan doa yang dipanjatkan oleh ibu bapa kita," ungkapnya.

Sementara itu, Mudir Madrasah Akademi Darul Syahadah di Bachok, Kelantan, Ustaz Haniff Abu Talib al-Hafiz berkata, ibu bapa perlu meyakini bahawa setiap kesukaran dalam mereka membesarkan anak-anak, ia pasti akan menerima ganjaran yang tidak ternilai daripada Allah.

"Justeru, jika mereka sedar pahala yang dijanjikan Allah lebih besar nilainya berbanding wang ringgit, nescaya mereka tidak akan pernah mengungkit kepepatan yang dilalui bagi tujuan tersebut. Lakukan sesuatu kerana Allah, nescaya kita akan menjadi manusia paling bahagia di sisi-Nya lantaran kita tidak berharap pada makhluk, sebaliknya menagih reda Ilahi di syurga yang hakiki," tuturnya menutup bicara.



Komentari

Oleh **DALIZA ARIFFIN**
Pengarang *Ekonomi Kosmo!*

Jadi jutawan jual produk kecantikan

SEPANJANG perjalanan melalui Lebuhraya Utara - Selatan dari Jalan Duta, Kuala Lumpur ke Alor Setar, Kedah terdapat beberapa papan iklan gergasi yang menarik dengan pelbagai aksi model bersama produk keluaran syarikat masing-masing.

Berbanding 10 tahun lalu, cuma syarikat korporat yang menggunakan papan iklan itu untuk mempromosikan produk dan perkhidmatan kerana kosnya terlalu mahal.

Kini, hampir 80 peratus papan iklan gergasi yang dipancarkan di lokasi strategik itu menampilkan produk buatan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS). Pastinya, ia menawarkan salah satu hiburan buat pemandu yang melalui lebuhraya berkenaan.

Berdasarkan perkembangan semasa, ia menggambarkan PKS bumiputera kini lebih berdaya saing dan sanggup melaburkan wang yang banyak untuk peruntukan perbelanjaan pengiklanan, pemasaran serta promosi.

Bagi usahawan, platform iklan menggunakan papan iklan gergasi merupakan salah satu kaedah penjenamaan dan imej syarikat terbaik syarikat selain bertindak agresif dalam media sosial sambil menggunakan media cetak serta elektronik.

Kumpulan ini sebenarnya terlalu kreatif dalam penghasilan produk masing-masing. Pelbagai bahan semula jadi, ekstrak buah-buahan serta herba diformulasikan sendiri untuk menghasilkan produk bagi membantu meningkatkan kualiti kesihatan serta penjagaan kecantikan masyarakat kini.

Rata-rata produk mereka telah melalui kajian dan pembangunan yang teliti selain dihasilkan di kilang bertaraf Amalan Pengilangan Terbaik berserta mendapat pengesahan halal daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia termasuk kelulusan daripada Kementerian Kesihatan.

Sehubungan itu, tidak hairanlah jika produk yang berjaya dipromosikan dengan berkesan mampu mencatat jualan menggalakkan sehingga mencecah ratusan ribu ringgit malah jutaan ringgit hanya dalam tempoh beberapa bulan selepas dilancarkan.

Ini disokong oleh rangkaian pemasaran yang kukuh di seluruh negara melalui pelantikan ejen dan stokis termasuk mengembangkan pasaran hingga ke negara jiran seperti Singapura, Indonesia dan Brunei.

Ternyata ia memberi ruang dan peluang kepada stokis atau ejen untuk menambah pendapatan bulanan masing-masing khususnya bagi mereka yang menjadikan perniagaan itu sebagai pekerjaan separuh masa.

"Saya memiliki seorang stokis wanita yang cukup aktif, masih muda dan pendapatannya ialah kira-kira RM50,000 ke atas setiap bulan," demikian menurut seorang usahawan produk yang ditemui di premis perniagaannya baru-baru ini.

Saya termenung sejenak, memikirkan apakah strategi anak muda ini dalam perancangan pemasarannya sehingga berjaya mencatat jualan setinggi itu pada setiap bulan.

Ini semua memerlukan strategi yang mantap, rangkaian ejen yang aktif dan usaha gigih berterusan untuk mencapai sasaran berkenaan.

Lebih menarik, ada juga pasangan suami isteri yang sebelum ini tinggal di rumah pangsa dan hanya memiliki sebuah motosikal mampu mengubah kehidupan mereka dengan membeli kenderaan pacuan empat roda dan membeli sebuah rumah banglo mewah di Pantai Timur hanya dengan penjualan produk jamu.

Produk keluaran syarikat pasangan muda ini berjaya membantu ramai pelanggannya untuk menurunkan berat badan.

Kejayaan mereka bukan datang dalam sekelip mata, ia memerlukan pengorbanan yang besar dari segi masa, tenaga dan wang ringgit untuk mencapai kejayaan itu.

Diharapkan kejayaan jutawan muda itu dalam bidang pengeluaran produk buatan tempatan perlu dijadikan panduan kepada mereka yang baru berjinak-jinak dalam bidang tersebut.



SEORANG penunggang lembu profesional, Derek Kolbaba terpelanting ketika menunggang seekor halwan jantan itu pada aksi Monster Energy Buck Off di Madison Square Garden, New York kelmarin.